



Payung Negara Kesejahteraan Rakyat

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.
Bismillahir Rahmanir Rahim.

Yang Maha Mulia Seri Paduka Anakanda Yang di-Pertuan Agong dan
Yang Maha Mulia Seri Paduka Anakanda Raja Permaisuri Agong.
Yang Maha Mulia Seri Paduka Kekanda Raja dan Yang di-Pertuan
Negeri Perlis Indera Kayangan, selaku Pengerusi Mesyuarat Majlis Raja-
Raja yang ke-138 dan Seri Paduka Kekanda Raja Perempuan Perlis.

Yang Maha Mulia Seri Paduka Kekanda-Kekanda, Adinda-Adinda
dan Anakanda-Anakanda, Raja-Raja serta Yang Maha Mulia Seri
Paduka Permaisuri-Permaisuri.

Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri dan
isteri-isteri.

Titah Ucapan sempena Majlis Santapan Negeri di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar,
3hb. Julai 1986.



Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Datin Seri.
Dif-dif Kehormat sekalian.

Beta amat bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat Beta dan Raja Permaisuri hadir di majlis ini.

Beta ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada Yang Maha Mulia Seri Paduka Kekanda-Kekanda, Adinda-Adinda dan Anakanda-Anakanda Raja yang telah memberi penghormatan dan kepercayaan kepada Beta dan kerajaan Beta untuk menjadi tuan rumah kepada Persidangan Majlis Raja-Raja kali yang ke-138. Penghormatan ini Beta terima dengan sukacita dan kerajaan Beta telah berusaha bersungguh-sungguh untuk menjayakan acara-acara persidangan ini sejak awal tahun lagi.

Beta bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana Persidangan Majlis Raja-Raja ini telah dapat dilaksanakan dengan sempurna. Walau bagaimanapun, jika terdapat sebarang kekurangan, Beta bagi pihak diri Beta dan kerajaan Beta mengharapkan kemaafan.

Mesyuarat Majlis Raja-Raja kali yang ke-138 ini adalah merupakan Mesyuarat Majlis Raja-Raja yang pertama diadakan di Negeri Perak Darul Ridzuan. Tetapi fakta sejarah menunjukkan bahawa dalam tahun 1897, Durbar atau persidangan yang dihadiri oleh empat orang raja Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah diadakan di Kuala Kangsar. Durbar ini merupakan asas kepada wujudnya Persidangan Raja-Raja yang diadakan dalam tahun 1948, di mana Mesyuarat Majlis Raja-Raja yang pertama telah dihadiri oleh kesemua sembilan orang raja Negeri-negeri Melayu.

Apabila perlembagaan negara digubal, Majlis Raja-Raja ditubuhkan sebagai sebuah Badan Perlembagaan di bawah Perkara 38, dengan fungsi-fungsi eksekutif; menimbang (*deliberative*) dan merunding (*consultative*).

Fungsi eksekutif adalah termasuk kuasa memilih Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong. Di samping itu, dalam hal-ehwal agama pula, Majlis Raja-Raja boleh memersetujui atau tidak, apa-apa perbuatan, amalan atau upacara agama bagi meliputi seluruh negara. Majlis Raja-Raja juga boleh memberi persetujuan atau tidak kepada mana-mana undang-undang yang menyentuh keistimewaan,



kedudukan, kemuliaan atau kebesaran raja-raja atau meminda sempadan sesebuah negeri. Selain itu, Majlis Raja-Raja juga membuat atau memberi nasihat atas mana-mana pelantikan ke jawatan khas ketua-ketua jabatan atau timbalannya. Dalam menjalankan fungsi-fungsi tersebut, Majlis Raja-Raja bertindak atas budi bicaranya.

“Mesyuarat Majlis Raja-Raja memainkan peranan yang penting dalam perjalanan pentadbiran negara. Ia membolehkan suatu perhubungan yang rapat serta mesra dijalinkan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri di peringkat tertinggi.”

Fungsi menimbang boleh merangkumi semua perkara yang menyentuh soal-soal dasar negara dan perkara-perkara lain yang difikirkan patut oleh Majlis Raja-Raja.

Manakala fungsi merunding pula adalah terhad kepada apa-apa perubahan di dalam polisi yang menyentuh tindakan pentadbiran di bawah Perkara 153 Perlembagaan, iaitu soal-soal yang menyentuh hak-hak istimewa orang Melayu dan bumiputera negeri-negeri Sabah dan Sarawak.

Daripada apa yang Beta nyatakan tadi, jelaslah menunjukkan bahawa Mesyuarat Majlis Raja-Raja memainkan peranan yang penting dalam perjalanan pentadbiran negara. Ia membolehkan suatu perhubungan yang rapat serta mesra dijalinkan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri di peringkat tertinggi. Selain itu, ia juga membolehkan perbincangan berhubung perkara-perkara yang mempunyai kepentingan bersama diadakan secara rasmi atau tidak.

Dengan ini tidak dapat dinafikan lagi bahawa Mesyuarat Majlis Raja-Raja mempunyai pengaruh yang besar dalam menjamin kestabilan, kesejahteraan, keamanan dan kejayaan negara dalam semua bidang.

Akhir kata, Beta berdoa agar Persidangan Majlis Raja-Raja yang



diadakan dari semasa ke semasa sentiasa diberkati Allah s.w.t. supaya rakyat dan negara ini mendapat rahmat dan perlindungan-Nya buat selama-lamanya.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

